

# PM: Tuduhan antisemetik tak wajar

KUALA LUMPUR 23 Mac. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan seselengah pihak yang menuduh beliau sebagai antisemetik adalah tidak wajar, berikutan tindakan kerajaan mengharamkan filem arahan Steven Spielberg berjudul *'Schindler's List'*.

"Saya tidak antisemetik atau anti Yahudi...tetapi saya anti zionisme kerana tindakan mereka melakukan penjajahan di wilayah Arab," kata Perdana Menteri kepada wartawan selepas melawat projek Menara Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata de-

mikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Lembaga Penapis Filem (LPF) mengharamkan tayangan filem itu di pawagam di seluruh negara.

Agensi berita Reuter hari ini melaporkan Malaysia telah mengharamkan filem tersebut yang telah memenangi tujuh anugerah akademi di Los Angeles, malam kelmarin.

*'Schindler's List'* mengisahkan bagaimana seorang rakyat Jerman yang memperoleh banyak keuntungan dari peperangan menyelamatkan ratusan rakyat Yahudi Poland dari dimusnahkan.

Antara anugerah yang dimenangi oleh filem ini ialah Filem Terbaik, Pengarahan Seni Terbaik, Cinematografi, Suntingan dan Keasliannya.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, walaupun beliau tidak begitu mengetahui mengenai kandungan filem tersebut tetapi ia adalah hak kerajaan Malaysia untuk mengharamkan mana-mana filem dalam negara ini.

"Saya tidak fikir mana-mana pihak harus membantah...tambah pula filem negara ini langsung tidak pernah ditayang di negara mereka," katanya.